

“PENGAMAL RASUAH PENGKHIANAT NEGARA”

27 OKTOBER 2023 |

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوِّيُ اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta’ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Rasuah adalah perbuatan jenayah yang telah menular sebahagian dalam masyarakat hari ini. Berdasarkan laporan dalam media cetak dan elektronik didapati pada kebiasaannya penglibatan rasuah dalam politik, sektor perkhidmatan awam, swasta dan orang awam meliputi perbuatan meminta, menawar, menerima

suapan atau tuntutan palsu atau menyalahguna jawatan untuk kepentingan diri, keluarga dan pihak tertentu.

Rasuah hukumnya adalah haram. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 188:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا
مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Yang bermaksud: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Berdasarkan kepada laporan daripada Bahagian Statistik, Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, bagi tahun 2018 hingga kini, sejumlah 127,397 maklumat laporan di terima berkaitan jenayah rasuah, dari jumlah tersebut 14,305 di buka kertas siasatan, 12,323 ditangkap, 4,958 dituduh dan akhirnya seramai 2,975 dikenakan hukuman. Berdasarkan pemerhatian ini, besar pangkat seseorang maka besarlah peluang untuk merompak harta rakyat dan semakin pintar pula untuk melepaskan diri daripada disabitkan dengan jenayah rasuah. Jika keadaan amalan jenayah rasuah

ini terus meningkat, maka amat dikhuatiri akan mengancam kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan negara.

Persoalan besar timbul di sini, apakah yang menyebabkan penularan jenayah rasuah ini? Berdasarkan pemerhatian, punca-punca menyebabkan berlaku rasuah ialah bernafsu besar atau sifat tamak haloba, sikap mahu mewah, memburu kekayaan dengan cepat, tidak bersyukur serta terikut-ikut dengan rakan-rakan sekerja.

Sama ada disedari atau tidak bahawa mereka yang terlibat dengan jenayah ini sebenarnya mengakibatkan beberapa kesan buruk seperti pembahagian kekayaan negara tertumpu kepada orang tertentu sahaja, meningkatkan kadar inflasi dan berleluasa kezaliman dalam masyarakat.

Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat oleh al-Imam at-Tabrani:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللُّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللُّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
الرَّآشِيٰ وَالْمُرْتَشِيٰ فِي النَّارِ

Yang bermaksud: “Daripada Ibnu Umar Radiallahu Anhu bahawa Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda: Pemberi rasuah dan penerima rasuah akan masuk ke dalam api neraka.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Pengamal, penyalahguna dan mereka yang bersubahat dengan rasuah adalah pengkhianat negara. Oleh itu, marilah kita bersama-sama berusaha untuk memerangi jenayah rasuah dalam negara kita secara serius demi melahirkan tata kelola yang baik dalam perkhidmatan kerajaan mahupun swasta. Ini selaras dengan tuntutan syarak dan hasrat kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian dalam perkhidmatan.

Marilah kita bersama-sama menolak amalan rasuah supaya menjadi insan yang hebat, cemerlang, beriman dan berintegriti. Jadikanlah ibadah-ibadah seperti solat, puasa, berzakat dan haji sebagai benteng mencegah dirinya terlibat dengan rasuah. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah Ali Imran:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَلَا تَكُن مِّنَ الْمُنْكَرٍ^{١٤}
يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٤

Yang bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang demikian ialah orang yang berjaya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.